

NO SOALAN :324

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tarikh akhir dan kaedah bayaran balik kredit cukai input (ITC) cukai barangan dan perkhidmatan (GST) sejumlah RM 36 juta bagi tempoh September 2016 hingga Jun 2017 kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2017, tuntutan bayaran balik GST oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor yang telah dibayar oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah sebanyak RM54.76 juta, manakala tuntutan yang masih diproses dan belum dibuat bayaran adalah sebanyak RM34.27 juta. Jumlah tuntutan yang ditolak pula adalah sebanyak RM20.1 juta.

Tuntutan bayaran balik yang ditolak atau ditangguh secara asasnya adalah disebabkan perkara berikut:

- i. Pihak PBT tidak mengakaunkan GST ke atas beberapa jenis bekalan (*supply*) yang sepatutnya dikenakan GST oleh pihak PBT;
- ii. Terdapat tuntutan kredit cukai input dibuat ke atas aktiviti yang tidak berkaitan dengan fungsi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan (*Regulatory and Enforcement - R&E*);
- iii. Terdapat PBT yang tidak menjalankan keseluruhan sepenuhnya fungsi R&E iaitu hanya menjalankan fungsi Pengawalseliaan sahaja. Dengan itu, PBT berkenaan tidak layak untuk membuat tuntutan kredit cukai input di bawah Peraturan 49, Peraturan-Peraturan CBP 2014.
- iv. Pihak PBT juga didapati telah membuat tuntutan kredit cukai input bagi item-item yang tidak layak dituntut berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP) 2014, Peraturan 36. Sebagai contoh tuntutan ke atas

kereta untuk kegunaan PBT yang merupakan '*block input tax*';
dan

- v. Pihak PBT tidak memberikan maklumbalas terhadap kuiri dari *Refund Officer* seperti pengemukakan maklumat tambahan atau sokongan menyebabkan proses tuntutan pulang balik tidak dapat diteruskan mengikut tempoh yang ditetapkan. Terdapat jua PBT yang gagal mematuhi arahan untuk membuat pindaan penyata GST-03 sepertimana yang diminta oleh Unit *Refund* ini menyebabkan bayaran balik GST ditangguhkan selaras dengan peruntukan Seksyen 38(5) Akta GST 2014.

Berhubung dengan pembayaran balik kredit cukai input sebanyak RM34.27 juta, JKDM akan mengadakan perbincangan dengan semua PBT Negeri Selangor pada 10 Ogos 2017 untuk menjelaskan isu berkaitan dengan layanan GST yang sepatutnya dipatuhi oleh semua PBT yang terlibat dan tindakan yang perlu diambil oleh PBT dalam membuat pindaan ke atas Penyata GST-03. Bayaran balik akan dibuat selepas semua tindakan yang perlu diambil oleh PBT telah dibuat sewajarnya.